

4 Januari 2018

## Abang terjahat di dunia

Muhaamad Hafis Nawawi  
mhafis@hmetro.com.my

### Padang Terap

Seorang abang sepatutnya menunjukkan teladan baik namun lain pula bagi seorang tokan dadah yang tergamak menghasut dan mengajar dua adik perempuannya mengambil dadah syabu sejak tiga tahun lalu di rumah keluarga mereka di Kampung Rambutan di sini.

Malah, lelaki berusia 23 tahun itu yang tidak bekerja serta dipercayai penagih turut menjadikan rumah keluarganya sarang melepaskan gilan dan lokasi menjual dadah syabu kepada penagih lain di kampung berkenaan serta sekitarnya.

Lebih menyedihkan, adiknya yang berusia 15 dan 19 tahun itu tidak lagi bersekolah atau bekerja selepas terjebak dan menjadi penagih tegar.

Ibu bapa mereka yang hanya bekerja sebagai penoreh getah hanya mampu melihat perbuatan anak mereka menghisap dadah di dalam rumah tanpa mampu bertindak kerana bimbang dcederakan jika menegur atau melaporkan

perbuatan anaknya itu kepada pihak berkuasa.

Bagaimanapun, perbuatan abang durjana itu terbongkar selepas dia dan dua adiknya ditahan Agensi Antitadahan Kebangsaan (AADK) Padang Terap jam 4 pagi semalam bersama penagih lain.

# Abang terjahat di dunia

■ Lelaki pengaruhi dua adik perempuan jadi penagih syabu tegar



ANTARA penagih yang ditahan ketika operasi AADK, semalam.

PORT untuk melepaskan gilan yang digunakan lelaki terbabit di Kampung Rambutan, semalam.

“Serbuan dijalankan di Kampung Rambutan begitu mengejutkan apabila kami menahan seorang lelaki yang tergamak mengajar dua adik perempuannya menghisap syabu”

Zainal Abidin

Ketua Pegawai AADK Padang Terap Zainal Abidin Ismail berkata, operasi digerakkan selepas pihaknya menerima aduan orang awam yang dilakukan 10 anggota AADK diketuai Mazhar Murad.

Menurutnya, operasi bermula dari jam 11 pagi kelmarin hingga jam 4.30 pagi semalam diadakan di Kampung Barokhas,

Tualak, Rambutan, Bukit Indin serta berek polis Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Padang Terap.

“Dalam serbuan di lima rumah, kami menahan 10 penagih berusia 15 hingga 30 tahun.

“Serbuan dijalankan di Kampung Rambutan begitu mengejutkan apabila kami menahan seorang lelaki yang tergamak mengajar dua adik perempuannya menghisap syabu,” katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Beliau berkata, dalam serbuan itu, teman lelaki adik perempuan lelaki terbabit serta seorang rakan lelakinya turut ditahan.

Katanya, siasatan dijalankan juga mendapati adik perempuan lelaki itu tidak bersekolah dan tinggal bersama ibu bapa yang bekerja sebagai penoreh getah.

“Siasatan kami mendapati lelaki itu mencari wang dengan menjadi pengedar dadah kecil-kecilan di kawasan itu.

“Rumah keluarganya juga dijadikan port menagih dadah, selain menjadi tempat penagih datang untuk membeli bahan terlarang itu,” katanya.

Zainal berkata, ketika serbuan tiada kejadian tidak diinginkan berlaku, malah ibu bapa tiga beradik itu turut memberi kerjasama.

“Hasil ujian air kencing terhadap semua yang ditahan mendapati mereka positif dadah jenis opiat dan methamphetamine.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 3 (1), Akta Penagih Dadah (Rawatan & Pemulihan) 1983,” katanya.



DUA beradik yang tidak bersekolah menjadi penagih syabu tegar.